

Bagaimana meningkatkan produktiviti, kualiti

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR
aileenkucheen@yahoo.com

KOTAKINABALU:Syarikat dan organisasi korporat di rantau Asia harus mengubah budayakerjadanmengamalkan konsep perkongsian tempat kerja sekiranya mereka ingin meningkatkan produktiviti dan kualiti barangan dan perkhidmatan.

Konsultan dan Profesor School of Labour & Industrial Relation University of Philipine, Prof Dr. Jose C. Gatchalian, berkata kaedah ini dapat mewujudkan iklim tempat kerja yang lebih baik dan meningkatkan tahap daya saing mereka.

“Bagaimanapun, untuk melaksanakan tranformasi ini, ia memerlukan penglibatan

penuh daripada golongan pekerja dalam membuat keputusan dan kesediaan pihak atasan memberi peluang kepada golongan bawahan mereka dalam proses tersebut,” katanya.

Beliau berkata, walaupun pelbagai strategi diperkenal merangkumi pendekatan hubungan pekerja-majikan, ia memerlukan penyertaan dan amalan kerja yang tinggi untuk meningkatkan inovasi, produktiviti dan kualiti gaya kerja.

“Para pekerja tidak seharusnya dilihat sebagai ‘kos’ sebaliknya harus dinilai sebagai rakan kongsi perniagaan manakala sistem ‘arah dan kawal’ dalam pengurusan perlu diubah kepada konsep dan amalan

“ Bagaimanapun, untuk melaksanakan tranformasi ini, ia memerlukan penglibatan penuh daripada golongan pekerja dalam membuat keputusan dan kesediaan pihak atasan memberi peluang kepada golongan bawahan mereka dalam proses tersebut.”

PROF DR. JOSE C. GATCHALIAN

Konsultan dan Profesor School of Labour & Industrial Relation University of Philipine

baru bagi membenarkan golongan pekerja turut serta dalam proses membuat keputusan.

“Keputusan perlu dibuat bukan oleh mereka yang berada di kedudukan tertinggi, tetapi yang mempunyai pengetahuan terbaik terutamanya di kalangan negarabangunan,” katanya yang juga merupakan Presiden Emeritus Persatuan Hubungan Industri Filipina.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan bertajuk ‘Perkongsian dalam Perspektif Global Perspektif: Membentuk Kerjasama Usahasama Tempat Kerja di Asia’ sempena Persidangan Serantau Usahasama antara Komuniti dan Industri di sini, kelmarin.

Persidangan berkenaan merupakan anjuran Unit Penyelidikan dan Pembangunan Etnogrtafi, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Sesi dipengerusikan oleh Prof Dr Syed Azizi Wafa Syed Khalid Wafa dari UMS.

“Perkongsian antara syarikat dan pekerja (dan dengan kesatuan jika ada) adalah penting, berdasarkan impaknya kepada kualiti output dan pendapatan,” kata Jose.

Jelas beliau, selari dengan pembangunan, pelaksanaan prinsip baru untuk kerjasama strategik adalah sangat mencabar kerana perdagangan melalui periklanan tidak lagi begitu berkesan ketika ini selain hubungan secara paksa boleh menghalang inovasi dan meningkatkan kos.

“Kerjasama strategik juga boleh dilaksanakan secara berperingkat di samping keperluan mencapai penyelesaian yang lebih praktikal untuk kerjasama dengan penyedia, pelanggan dan pekerja,” katanya.

Mengambil contoh Toyota

Motors di negaranya, Jose berkata, mereka meletakkan sumber dan pengedar sebagai kumpulan yang boleh membantu dan mengawasi gerak kerja dalam memastikan jaminan kualiti produk keluaran mereka.


“Di Filipina, pihak Toyota Motors turut mengadakan program latihan yang melibatkan pembekal dan pengedar sekali gus memberi ruang komunikasi antara pekerja yang merupakan orang dalam dengan organisasi yang bekerjasama dengan mereka,” katanya yang menjelaskan konsep itu memenuhi sosio-budaya Filipina.

“Walau tiada jaminan atau model rasmi, perkongsian tempat kerja ini dilihat mampu memberi kesan positif kepada prestasi organisasi dan LMC dilihat sebagai cara terbaik untuk disesuaikan dengan sosio-budaya sesebuah negara,” katanya.

“Membina perkongsian tempat kerja yang lebih efektif memerlukan perubahan pemikiran, perhubungan dan amalan kerja yang menggambarkan pentingnya perubahan budaya kerja,” katanya.

“Dunia hari ini berbeza dengan kelmarin dan esok akan lebih banyak berbeza dari hari ini...justeru, bagaimana untuk kita menyesuaikan diri dengan dunia kerja dan cabaran yang mendatang terutamanya di rantau ini?”

“Oleh itu, kita perlu



AMANAT...Jose ketika menyampaikan ucapan bertajuk Persidangan Serantau Usahasama antara Komuniti dan Industri, kelmarin.

mengubah budaya kerja dan mewujudkan iklim tempat kerja yang lebih selesa serta

peluang untuk membuat keputusan yang sama rata, katanya.